

06 AUG 2002

DR MAHATHIR UCAP SELAMAT JALAN KEPADA AKAYEV

KUALA LUMPUR, 6 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengucapkan selamat jalan kepada Presiden Republik Kyrgyz Askar Akayev di sebuah hotel, tempat penginapan beliau semasa lawatan dua harinya di sini.

Dr Mahathir, diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali meluangkan masa kira-kira 40 minit dengan Akayev dan isterinya Mairam Akayeva.

Presiden Kyrgyz itu tiba di sini semalam dan sebelum melakukan lawatan negaranya itu, beliau menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi yang berlangsung dari 1-4 Ogos.

Ini merupakan lawatan kedua Akayev ke Malaysia. Lawatan pertamanya pada 1995.

Semasa di sini, Presiden Kyrgyz itu telah mengadakan perbincangan dua hala dengan Dr Mahathir dan menghadiri mesyuarat delegasi, dengan republik itu meminta sokongan dan bantuan Malaysia dalam mengusahakan dialog antara Pertubuhan Keselamatan dan Kerjasama Eropah (OSCE) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) untuk menjalin persefahaman lebih baik mengenai Islam, tahun depan.

Kyrgyz dan Malaysia turut menandatangani perjanjian mengenai urusan bayaran dua hala (BPA) antara Bank Negara Malaysia (BNM) dan Joint Stock Commercial Bank Kyrgyzstan dan satu memorandum persefahaman mengenai BPA antara BNM dan Bank Negara Republik Kyrgyz.

Turut ditandatangani ialah memorandum persefahaman antara Jabatan Perangkaan Malaysia dan Jawatankuasa Statistik Kebangsaan Republik Kyrgyz. Akayev dan delegasinya akan berlepas ke Bishkek pagi esok.

-- BERNAMA

HS AKT RHM